

SISTEM WEB PENGURUSAN SEKOLAH AGAMA SWASTA FATHUL FURQAN

Mohamad Faizal Bin Che Shamsuddin

Dr. Muriati Binti Mukhtar

Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Pengurusan dan informasi bergerak sejajar di dalam setiap pengurusan. Ini kerana ianya berkait rapat untuk menjadikan satu pengurusan yang cekap dan berkesan. Ianya dapat dikaitkan dengan faktor pendidikan dimana setiap sekolah harus mempunyai pengurusan yang efektif kerana ianya akan melancarkan segala urusan yang berkaitan semasa proses dijalankan. Oleh itu, pihak sekolah harus mengambil berat mengenai pengurusan yang diberikan kepada pengguna bagi menjamin kualiti hasilnya. Oleh itu, satu projek sistem web dijalankan bagi menguruskan maklumat dan data serta memudahkan pemberitahuan informasi kepada pengguna. sistem ini bakal menggantikan kaedah lama yang telah lama diterapkan di sekolah tersebut.

1 PENGENALAN

Teknologi internet adalah sesuatu yang tidak asing dalam kehidupan harian pada hari ini. Kebanyakan masyarakat kini telah menggunakan dan memanfaatkan internet sebagai platform media informasi dan komunikasi.

Pada masa kini, hampir setiap organisasi, perusahaan dan sebagainya telah memanfaatkan website sebagai media untuk memperkenalkan serta memberi informasi yang berkait rapat dengan latar belakang operasi mereka. Dalam sektor pendidikan juga tidak ketinggalan dalam penggunaan sistem web. Namun, masih terdapat sebilangan yang belum melaksanakan kaedah ini malah masih menggunakan kaedah tradisional ataupun secara manual. Masih ada di sekolah-sekolah yang masih menggunakan kaedah secara manual iaitu segala informasi serta notis melalui surat-surat yang dicetak dan diedarkan kepada murid kepada ibubapa atau penjaga.

Sistem web ini adalah untuk memudahkan proses penyampaian maklumat dan informasi dengan lebih tepat dan sahih. Ianya akan dipaparkan di dalam ruangan yang telah disediakan di dalam laman web. Justuru itu, ibubapa dapat melihat dan mengetahui dengan lebih cepat dan berkesan. Dengan ini juga, ianya dapat diakses tanpa mengira masa.

Selain itu juga, dengan adanya sistem web ini sedikit sebanyak akan menambah baik dalam segi sistem pengurusan sekolah tersebut. Antaranya penambah baikkan yang dapat dilakukan ialah keputusan pelajar dapat dilihat oleh ibubapa secara online setelah para guru memuat naik keputusan terkini peperiksaan. Secara automatik ianya dapat menggantikan kaedah lama iaitu buku rekod. Dengan adanya sistem ini, para guru dapat menyelarakan data-data pelajar dengan lebih berkesan dan lebih sistematik. Secara tidak wajar juga, risiko untuk kehilangan data-data tersebut adalah tipis. Ini kerana buku rekod tersebut berkemungkinan akan mengalami kerosakkan, kehilangan dan sebagainya.

2 PENYATAAN MASALAH

Antara masalah yang dapat dilihat antaranya ialah maklumat yang disampaikan melalui cetakkan kertas kepada ibubapa mempunyai risiko untuk hilang. Dengan kata lain, maklumat yang ingin disampaikan dari pihak sekolah kepada ibubapa tidak tercapai. Hal ini kerana rata-rata pelajar dalam kalangan berumur diantara 7 tahun hingga 11 tahun. Kecuaian dalam kalangan mereka sangatlah tinggi.

Selain itu, sistem merekod markah peperiksaan menggunakan buku rekod. Sesetengah sekolah masih menggunakan kaedah ini. Ianya memerlukan kos yang tinggi kepada pihak sekolah untuk disediakan kepada pelajar baru setiap tahun.

Selain itu juga, kesukaran ibubapa dalam mengetahui tahap pembelajaran anak mereka. Demikian kerana masa yang singkat diberi untuk menyemak buku laporan anak mereka. Sesetengah ibubapa yang bekerja tidak sempat melihat secara terperinci akibat daripada masa yang diberi.

3 OBJEKTIF KAJIAN

Projek ini bertujuan untuk memperkenalkan sistem web dimana ianya dapat mengatasi masalah yang ada. Ianya dapat menyelaraskan pengurusan sekolah yang masih menggunakan kaedah lama. Disamping itu juga, meningkatkan kualiti dalam segi pengurusan data-data pelajar dengan menggunakan sistem web yang menyimpan data-data di dalam pengkalan data. Selain itu juga, masalah daripada kalangan ibubapa dapat diatasi dengan memudahkan para ibubapa mengikuti tahap perkembangan anak mereka dengan adanya sistem ini.

4 METOD KAJIAN

Penggunaan model pembangunan yang sesuai penting untuk memastikan perjalanan projek berjalan dengan lancar dan menjamin hasil kerja yang berkualiti. Fasa pembangunan termasuk fasa perancangan, analisis, reka bentuk, pengujian dan dokumentasi. Model ini penting untuk memastikan perjalanan projek lancar dan teratur. Rajah 1 menunjukkan model pembangunan yang digunakan untuk membina proses sistem web pengurusan ini.

4.1 FASA PERANCANGAN


Fasa ini melibatkan proses pengenalpastian masalah, objektif, persoalan kajian dan menentukan skop. Langkah seterusnya adalah sorotan susastera yang melibatkan pengumpulan, pencarian dan pembacaan jurnal dan kajian lepas bagi mencetus idea dan inspirasi. Penggunaan internet untuk mencapai maklumat berkait dan pencairan bhan dai Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia dilakukan. Maklumat dikumpul, distruktur dan disintesis dan dipersembah secara kritis dan kreatif dalam fasa analisis.

4.2 FASA ANALISIS

Fasa ini melibatkan analisis dan tafsiran maklumat yang dikumpul dalam fasa perancangan. Analisis tentang kesesuaian topic dan menilai kepentingan untuk menjalankan kajian ini dilakukan. Selain daripada itu, analisis tentang perkakasan dan perisian juga dijalankan untuk memastikan perkakasan dan persisian yang sedia ada adalah sesuai untuk membangunkan projek ini.

4.3 FASA REKA BENTUK

Fasa ketiga adalah fasa reka bentuk yang membentuk seni bina sistem. Objektif fasa ini adalah mewujudkan reka bentuk fizikal model yang memenuhi keperluan yang telah disetujui pada fasa analisis. Fasa reka bentuk dalam proses SDLC meneruskan pertanyaan soalan daripada “apa” kepada soalan “bagaimana”.



Rajah 1 : SDLC Waterfall

4.4 FASA PEMBANGUNAN DAN IMPLEMENTASI

Fasa pembangunan sistem dilaksanakan dengan pengaturcaraan sistem mengikut reka bentuk senibina yang dilakar. Objektif fasa ini adalah memastikan fungsi-fungsi sistem mengikut apa yang dijangka dan memenuhi keperluan pengguna. Fasa ini memerlukan penyertaan pengguna yang tinggi untuk mengesahkan semua keperluan termasuk dalam sistem ini.

4.5 FASA PENGUJIAN

Dalam fasa pengujian, sistem diuji dan mencari kelemahan dan ralat untuk diperbaiki. Objektif semasa fasa ini ialah untuk memastikan sistem ini boleh digunakan oleh pengguna tanpa masalah. Aturcara yang bermasalah dibaiki dalam fasa ini. Selain itu, sistem ini harus sentiasa dikemaskini dan ditambahbaikkkan berdasarkan keperluan pengguna terkini.

Perkakasan dan perisian yang digunakan untuk membangun projek harus dipilih dengan teliti. Perkakasan dan perisian yang baik berfungsi dengan lancar serta menyokong pembangunan projek sistem web pengurusan. Pemilihan perkakasan dan perisian yang tidak tepat boleh menjejaskan hasil projek. Spesifikasi keperluan perkakasan yang digunakan adalah perkakasan asas sesebuah komputer. Senarai spesifikasi keperluan perkakasan yang dicadang untuk menghasilkan sistem web pengurusan adalah seperti berikut :

- I. CPU : *intel Core i7-8750H CPU@2.2GHz*
- II. OS : *Window 10 Home*
- III. RAM : 16GB
- IV. HDD : 1TB
- V. *I/O Device* : Papan kekunci , Tetikus

Berikut merupakan perisian-perisian yang digunakan dalam membangunkan sistem web :

- I. *Sublime text*
- II. *Xampp*
- III. *PHP language*
- IV. *Filezilla*
- V. *MySQL*
- VI. *Adobe Photoshop CS6*

5 HASIL KAJIAN

Bab ini bakal menerangkan fasa pembangunan serta pengujian sistem yang telah dibangunkan. Jangka masa yang agak panjang telah diambil untuk memastikan setiap fungsi projek ini mematuhi objektif yang telah ditetapkan. Selain itu, bab ini juga menerangkan antara muka sistem dengan lebih jelas. Keberkesanan sistem ini telah diuji menggunakan komputer riba untuk mengakses aplikasi web yang digunakan bagi menangani ralat.

Pembangunan laman web adalah proses perancangan, pembangunan, reka bentuk, pengujian dan penggunaan sesebuah laman web. Kaedah pembangunan laman web yang digunakan untuk web Kafa Fathul Furqan adalah pembangunan aplikasi pantas.



SISTEM MAKLUMAT SEKOLAH AGAMA FATHULFURQAN

LOG MASUK

Rajah 2

Antara muka log masuk pengguna

Rajah 2 menunjukkan paparan Antara muka log masuk pengguna. Penguian antara muka mustahak bagi memastikan pengguna memahami setiap komponen di dalam antara muka. Rajah di bawah menunjukkan antara muka log masuk pengguna. Setiap pengguna perlu memasukan kata nama dan kata laluan yang telah didaftarkan oleh admin. Berikut merupakan Antara muka log masuk.



Rajah 3 Antara muka halaman pelajar

Rajah 3 menunjukkan paparan halaman muka pelajar. Selepas berjaya didaftar masuk, pengguna akan masuk ke halaman utama laman web. Maklumat pengguna akan dipaparkan pada sebelah paparan tepi. Selain itu juga terdapat beberapa fungsi seperti info pelajar dan maklumat mengenai peperiksaan.



Rajah 4 Antara muka halaman memasukkan data peperiksaan

Rajah 4 menunjukkan paparan Antara muka data peperiksaan pelajar. Untuk memasukkan keputusan peperiksaan, admin perlu memilih subjek serta gred bagi subjek yang diambil oleh setiap pelajar. Setelah itu, admin perlu menekan butang hantar untuk menghantar data masuk

ke dalam pengkalan data. Kemudian, setelah pelajar masuk ke akaun masing-masing, mereka dapat melihat keputusan yang telah direkodkan.

6 KESIMPULAN

sistem web pengurusan ini dapat membantu guru, pelajar serta ibubapa dalam proses pengurusan maklumat. Disamping itu juga, dengan adanya portal web, ianya dapat mempromosi sekolah tersebut dimata pengguna internet. Secara tidak langsung, pengguna akan mengenali sekolah ini sebagai salah satu sekolah agama yang berdaftar dalam negeri Selangor. Oleh itu, bagi membangunkan sistem ini, kajian yang teliti serta maklumat memainkan peranan penting bagi menyiapkan projek ini

7 RUJUKAN

1. . SDLC Method Metodologies - <https://www.softwaretestinghelp.com/what-is-sdlc-waterfall-model/>
2. Kelebihan menggunakan sistem web - <https://www.logique.co.id/blog/2018/07/27/keunggulan-aplikasi-web/>
3. Kelebihan menggunakan sistem web - <http://www.binawebsite.com/berita-binawebsite/kelebihan-miliki-laman-web>